

21 JUL 2001

Mahathir-PAS/1

MAHATHIR ULANGI GESAAN SUPAYA PAS BERIKAN PERINCIAN NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi cabarannya supaya PAS menyatakan secara bertulis perincian mengenai rancangannya membentuk sebuah negara Islam.

Katanya ini akan membolehkan pelbagai masyarakat di negara ini memahami interpretasi PAS mengenai sebuah negara Islam.

"Mereka patut menulisnya dalam bahasa Cina, Tamil ...supaya semua orang boleh memahaminya, bukan sahaja Melayu...jadi semua orang akan dapat menilai versi mereka (PAS) mengenai sebuah negara Islam," katanya selepas melancarkan Proton Juara, edisi terbaru pembuat kereta nasional Proton, di sini.

Beliau menjawab pertanyaan mengenai kenyataan para pemimpin PAS baru-baru ini tentang hasratnya menubuhkan sebuah negara Islam yang telah ditentang keras oleh DAP, satu daripada rakan parti PAS dalam pakatan pembangkang.

Dr Mahathir berkata bagi kerajaan, Malaysia sudahpun merupakan sebuah negara Islam dan ia merupakan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Sebuah negara Islam bukanlah sebuah negara yang eksklusif untuk umat Islam kerana orang lain juga boleh tinggal dalam sebuah negara Islam. Dan kita perlu melayani mereka dengan adil dan saksama. Ini yang kita lakukan di Malaysia," katanya.

Mengenai orang bukan Islam yang bimbang dengan hasrat PAS itu, Perdana Menteri berkata mereka tidak perlu bimbang mengenai sesuatu yang mereka tidak tahu.

Beliau berkata: "Tolong tanya PAS apa sebenarnya negara Islam kamu (PAS). Mereka telah berkata bahawa Umno bukan Islam kerana kita mempunyai mahkamah sivil, kita tidak hanya mempunyai mahkamah syariah.

"Jadi, tolong tulis perkara ini, bahawa dalam negara Islam yang digambarkan PAS tidak akan ada mahkamah sivil, hanya akan terdapat mahkamah syariah dan oleh itu hanya undang-undang syariah akan digunakan dalam negara ini. Tolong katakan secara jelas mengenai perkara ini. Buat masa ini mereka berkata kami akan tunggu hingga kami menang, pada masa itu kami akan beritahu anda."

Dr Mahathir berkata PAS patut memberitahu rakyat apa yang ada dalam rancangan mereka bagi seluruh negara dan bukan hanya untuk Kelantan dan Terengganu.

Menyentuh satu perkara lain, Dr Mahathir ditanya mengapa Jabatan Pendidikan lambat bertindak bagi menangani penyebaran fahaman anti-ketuhanan melalui muzik "Black Metal" di kalangan murid dan pelajar Islam.

Beliau berkata: "Kadang-kadang benda ini kita tak nampak. Jabatan Pendidikan, dia dok tengok (beri tumpuan) tentang pelajaran saja, dia tak perhati tengok apa penuntut buat. Ini lebih merupakan masalah sosial daripada masalah pendidikan.

"Dan memang pun menteri yang bertanggungjawab tentang perkara ini iaitu (Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr) Siti Zaharah (Sulaiman), dia yang fokus kepada masalah ini."

Dr Mahathir berkata masalah ini berlaku mungkin kerana ajaran agama yang disampaikan di sekolah tidak berkesan.

"Saya tak suka hendak kata (mengenai perkara) ini, tapi kalau guru

agama lebih tumpukan kepada politik dan menimbulkan kebencian kepada kerajaan, tidak mengajar agama Islam, maka budak-budak ini tidak akan mempunyai asas-asas agama," katanya.

Beliau berkata sebaliknya para pelajar akan mempunyai asas bencikan kerajaan atau golongan berkuasa.

"Dan kalau kita ajar kanak-kanak supaya benci kepada kerajaan (golongan berkuasa), janganlah hairan kalau mereka benci kepada golongan berkuasa ini," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAM RON